

Nama	
Tingkatan	

SEJARAH
Kertas 1
Julai
1 jam

MODUL KECEMERLANGAN
SPM 2026

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
- 2. Jawab semua soalan.
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
- 4. Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1
- Apakah yang menentukan kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah dalam sistem politik Melayu tradisional?
- A

Kesetiaan rakyat
- B

Persamaan budaya
- C

Kegiatan ekonomi
- D

Konsep kepercayaan
- 2
- Pasangan pernyataan yang manakah **betul** tentang tujuan gerakan nasionalisme di Thailand dengan gerakan nasionalisme negara lain di Asia Tenggara?

Gerakan Nasionalisme di Thailand		Gerakan Nasionalisme Negara Lain di Asia Tenggara
A	Menentang kuasa asing	Menentang sistem beraja
B	Menentang raja berkuasa mutlak	Menentang penjajahan oleh kuasa asing
C	Mengembalikan kuasa bangsawan	Mengembalikan kuasa golongan agama
D	Membela nasib kaum imigran	Mengurangkan bilangan kaum imigran

- 3
- Senarai tokoh berikut merupakan pejuang nasionalisme di negara kita.

- Za'ba
 - Fatimah Yaakub
 - Abdul Rahim Kajai

Bagaimanakah tokoh tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

- A

Penubuhan madrasah
- B

Penerbitan majalah
- C

Penulisan kreatif
- D

Penyebarkan berita


4

Akhbar	Tahun Diterbitkan
Al-Imam	1906

Apakah yang disarankan oleh golongan ulama melalui penerbitan akhbar tersebut?

- A Kesepakatan perpaduan
- B Kerjasama dengan barat
- C Kewajipan membayar zakat
- D Kembali kepada Islam sebenar

5 Rajah berikut menunjukkan kejayaan dasar perluasan kuasa tentera Jepun pada abad ke-20.



Apakah tindak balas tentera Bersekutu terhadap kejayaan Jepun tersebut?

- A Menyerang bandar Nagasaki
- B Membentuk unit Bintang Tiga
- C Mengenakan sekatan ekonomi
- D Menahan pemimpin tentera Jepun

6 Apakah peranan Rejiman Askar Melayu semasa zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu?

- A Bekerjasama dengan Jepun
- B Melaksanakan perang gerila
- C Menentang penjajahan Jepun
- D Menyediakan bantuan senjata

7

Charles Vyner Brooke menghantar Gerard T. MacBryan mendapatkan tandatangan daripada ketua tempatan

Maklumat diatas berkaitan penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.

Apakah cara yang digunakan oleh Gerard T. MacBryan?

- A Rundingan
- B Tipu muslihat
- C Tawaran ganjaran
- D Perjanjian keselamatan

- 8 Pernyataan berikut berkaitan dengan reaksi penduduk terhadap penyerahan Sabah.

British berjaya mendapatkan sabah dengan mudah tanpa sebarang penentangan daripada penduduk

Mengapakah penduduk tempatan tidak menentang penyerahan Sabah kepada British?

- I British menjaga kebajikan penduduk
 - II Perbezaan etnik menyukarkan penyatuan
 - III British memberi tekanan kepada kesedaran politik
 - IV Penduduk tempatan diberi peluang dalam pentadbiran
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
-
- 9 Mengapakah British bersetuju menerima cadangan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Memudahkan pelaksanaan pilihan raya umum
 - B Melambatkan proses kemerdekaan tanah air
 - C Melaksanakan dasar berkerajaan sendiri
 - D Memulihkan kuasa bangsawan

- 10 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Tanah Melayu
- A Komposisi kaum seimbang
 - B Kembalikan kedudukan raja
 - C Kuasa kerajaan negeri kurang
 - D Kewarganegaraan dimansuhkan
- 11 Selepas Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) dibubarkan pada 1 Disember 1945, Parti Komunis Malaya (PKM) dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah.
- Bagaimanakah PKM menggunakan peluang tersebut untuk meluaskan pengaruhnya?
- A Memberikan bantuan kepada penduduk desa
 - B Menyusup masuk dalam kesatuan sekerja
 - C Melibatkan diri dalam pentadbiran negara
 - D Menubuhkan parti politik berhaluan kanan



- 12 Di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan pada tahun 1948, kerajaan berkuasa
- I Mempelbagaikan tanaman makanan untuk menjamin makanan mencukupi

II Menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman

III Mengenakan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api

IV Menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
- A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Pertubuhan
1938	Kesatuan Melayu Muda
1945	Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah persamaan matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

- A Konsep “Merdeka dengan Darah”
- B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
- C Mengutamakan slogan Malaya untuk Melayu
- D Penubuhan sebuah parti politik pelbagai kaum



- 14 Maklumat berikut merujuk kepada keanggotaan Sistem Ahli.

Nama Ahli	Portfolio
Dato' Onn Jaafar	Ahli Dalam Negeri
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
Dato' E.E.C Thuraisingam	Ahli Pelajaran

Apakah peranan ahli tersebut?

- I Mengetuai portfolio
 - II Meluluskan undang-undang
 - III Membuat dasar tertinggi negara
 - IV Menguruskan pentadbiran harian jabatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri yang diadakan di Tanah Melayu.

Tahun	Pilihan Raya
1954	Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Menekankan konsep persamaan taraf
- B Memantapkan pentadbiran kerajaan tempatan
- C Melindungi kepentingan ekonomi antara kaum
- D Membuktikan kerjasama kaum diterima

16 Pilihan Raya Umum pertama di Tanah Melayu diadakan pada tahun 1955 bertujuan untuk

- I Mengawal pemberian kerakyatan kepada orang asing
- II Memperkukuh kerjasama rakyat dalam politik
- III Mempercepat proses kemerdekaan tanah air
- IV Menghalang kemasukan kaum imigran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan yang dilakukan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tarikh	Peristiwa
18 Januari – 8 Februari 1956	Rundingan London

Apakah persetujuan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
- B Penetapan syarat mendapatkan kerakyatan
- C Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan
- D Pembentukan suruhanjaya untuk merangka perlembagaan

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
• Menerima memorandum pelbagai pihak • Penghasilan draf perlembagaan • Reaksi terhadap draf perlembagaan • Perbincangan dengan kerajaan British

Langkah-langkah tersebut menggambarkan bahawa proses penggubalan perlembagaan menekankan nilai

- A Kerajinan
- B Keberanian
- C Keterbukaan
- D Kasih sayang
- 19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Persediaan Fizikal • Jawatankuasa Sambutan |
|--|

Mengapakah persediaan sambutan kemerdekaan tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

- 20 Bagaimanakah kedaulatan dapat memelihara hak rakyat?
- A Mengamalkan sistem satu parti
 - B Mengutamakan keadilan individu
 - C Menggalakkan semangat kenegerian
 - D membenarkan kebebasan bersuara dan pendapat
- 21 Konsep kedaulatan merujuk kepada
- A Raja memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran
 - B Pengiktirafan badan antarabangsa terhadap negara
 - C Perkongsian kuasa antara badan-badan pemerintah
 - D Rakyat berhak menentukan hala tuju pentadbiran negara
- 22 Mengapakah kedaulatan penting bagi sesebuah negara?
- A Menjadi kuasa politik unggul di dunia
 - B Menunjukkan kekuatan Angkatan tentera
 - C Mewujudkan keberkesanan sistem pentadbiran
 - D Membuktikan dasar luar mengikut situasi semasa

- 23 British telah memperkenalkan Charter of Justice yang diambil dari England pada tahun 1807.

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan di Negeri-negeri Selat?

- A Melindungi penduduk asal
 - B Menjamin kekuasaan pembesar
 - C Menjaga kepentingan pedagang
 - D Memperkukuh pasukan keselamatan
- 24 Mengapakah pindaan perlembagaan negara dilakukan pada tahun 1965?
- A Singapura berpisah daripada Malaysia
 - B Hak autonomi Sarawak & Sabah
 - C Pengisytiharan bahasa kebangsaan
 - D Pengasingan kuasa pemerintah
- 25 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agung?
- A Mengubah sempadan negeri
 - B Mengetuai perkhidmatan awam
 - C Melantik diplomat ke luar negara
 - D Mengawal perbelanjaan Kerajaan

26 Pernyataan berikut berkaitan dengan badan eksekutif pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri-menteri yang memegang portfolio tertentu.

Apakah peranan badan tersebut?

- A Meluluskan sistem cukai Baharu
- B Melaksanakan pembangunan negara
- C Menggubal undang- undang negara
- D Mengadili pertikaian pemerintah dan rakyat

27 Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan
• Hal Ehwal Luar Negeri
• Keselamatan Dalam Negeri
• X

Apakah X ?

- A Pelajaran
- B Perhutanan
- C Hiburan awam
- D Perancangan bandar

- 28 Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri berusaha untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki kediaman.

Bagaimanakah kedua-dua kerajaan mencapai matlamat tersebut?

- A Menyekat pembinaan rumah-rumah mewah
- B Memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik
- C Menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah
- D Melarang warga asing membeli rumah di Malaysia

- 29 Sejak awal abad ke-19, British bercadang untuk menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara.

Mengapakah British bertindak demikian?

- A Menghapuskan pengaruh komunis
- B .Mengurangkan kuasa raja-raja
- C Menjamin kemasukan imigran
- D Membentuk satu entiti politik

- 30 Peristiwa berikut berlaku pada tahun 1963.

Tentera Indonesia melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah

Mengapakah Indonesia mengambil tindakan tersebut?

- A Berusaha membentuk Melayu Raya
- B Malaysia menceroboh perairan Indonesia
- C Melaksanakan Dasar Konfrontasi dengan Malaysia
- D Berpendapat Malaysia mengamalkan neokolonialisme

- 31 Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam pembangunan dan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak?
- I Memajukan pendidikan
 - II Memajukan teknologi moden
 - III Memajukan sistem perindustrian
 - IV Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 32 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969 selepas Pilihan Raya Umum Ketiga. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah peristiwa tersebut?
- A Menangguhkan Parlimen
 - B Mengadakan provokatif
 - C Menerbitkan akhbar
 - D Mengadakan persidangan
- 33 Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Bagaimanakah Kajian Aminuddin Baki dapat mewujudkan perpaduan?
- A Menekankan aktiviti kokurikulum
 - B Mewajibkan mata pelajaran tatarakyat
 - C Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - D Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan

- 34 Gambar berikut adalah logo Sukan Malaysia (SUKMA)



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- A Memantapkan ekonomi negara
 - B Memperkukuh perpaduan rakyat
 - C Membangun industri pelancongan
 - D Mengimbangi ekonomi antara kaum
- 35 Dasar pecah dan perintah yang diamalkan penjajah telah mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, wilayah dan kawasan di negara kita.
- Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?
- A Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
 - B Membentuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar
 - C Memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama
 - D Melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- 36 Apakah strategi sosial Dasar Pembangunan Negara (DPN) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat?
- A Mewujudkan masyarakat perindustrian bumiputera
 - B Membangunkan kawasan perdagangan bebas
 - C Mengenal pasti pasaran eksport baharu
 - D Menyediakan pinjaman tanpa faedah

- 37 Senarai berikut merupakan negara yang menghadapi konflik dan Malaysia turut terlibat dengan misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara berkenaan.

- Sierra Leona
- Chad-Libya
- Bosnia dan Herzegovina

Apakah tugas pegawai pemerhati?

- A Mendaulat undang-undang negara terlibat
 - B Memastikan keselamatan penduduk
 - C Mengawasi gencatan senjata
 - D Menjadi jurubahasa
- 38 Apakah sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?
- A Memperjuangkan kepentingan umat Islam
 - B Mengawal isu nuklear negara Islam
 - C Membina semangat setia Islam
 - D Memelihara hak asasi Islam
- 39 Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kedudukan Strategik
 - B Kemasukan ramai pelancong
 - C Kelonggaran syarat imigresen
 - D Ketiadaan undang-undang jenayah

- 40 Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu penerokaan benua ais di Antartika.

Apakah yang dilakukan oleh Malaysia berkaitan isu ini?

- I Menggalakkan penggunaan tenaga baharu
 - II Mencadangkan sebagai warisan manusia sejagat
 - III Membentuk pasukan penyelidik pelbagai bidang
 - IV Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT